

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 06/04/2008

AS tiru Malaysia tangani krisis ekonomi – Nor Mohamed

DANANG, Vietnam 5 April. Sepuluh tahun selepas membidas langkah langkah dasar Malaysia yang tidak ortodoks dalam menangani krisis kewangan Asia, "Amerika Syarikat (AS) kini belajar daripada kita," kata Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Beliau berkata AS, yang dijangka mengalami kemelesetan ekoran krisis gadaai janji subprima, kini melakukan tindakan yang sama yang diambil oleh Malaysia semasa krisis kewangan Asia berlaku pada 1997.

Ketika itu Malaysia secara amnya tidak mengalami masalah ekonomi seteruk negara-negara lain yang mengalami krisis berkenaan kerana langkah yang dilaksanakan

bagi mengurangkan dagangan spekulatif mata wangnya dan mencerdaskan semula ekonomi.

"(Itu yang) mereka minta kita tidak lakukan, namun kita teruskan. Mereka kini melakukan tindakan yang sama seperti kita," katanya dalam temu bual pada akhir Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEAN Ke-12, di sini.

Menteri-Menteri Kewangan dari 10 negara anggota ASEAN serta tiga rakan dialognya - China, Jepun dan Korea Selatan - bertemu pada Khamis dan Jumaat, membincangkan pelan mengenai integrasi monetari dan kewangan kumpulan serantau itu.

Semasa krisis kewangan Asia, Tabung Ke-

U.M - 6/4/2008
wangan Antarabangsa (IMF) mencadangkan negara-negara yang terlibat dengan krisis itu supaya mengurangkan perbelanjaan, dasar kemelesetan yang memburukkan lagi ekonomi.

Pakar-pakar kewangan dan penganalisis berkata krisis kewangan Asia yang berlaku di Thailand sebelum merebak ke negara lain, antara lain disebabkan oleh kekurangan rizab asing yang menjurus kepada penurunan nilai beberapa mata wang tempatan dan sektor kewangan yang kurang dimajukan selain kurangnya mekanisme bagi peruntukan modal dalam negara-negara yang bermasalah itu.

Meskipun dikritik oleh IMF dan dunia,

Malaysia tidak sahaja bertahan menghadapi krisis itu, malah pulih dan makmur, kata bekas Timbalan Gabenor Bank Negara itu yang memberi nasihat kepada Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad ketika itu mengenai pelbagai langkah berani bagi menangani masalah terbabit.

Antara lain, Malaysia muncul dengan mekanisme seperti penetapan tambatan ringgit kepada dolar AS, kawalan pilihan tukaran mata wang asing serta tidak memperdagangkan ringgit di peringkat antarabangsa.

Kini, AS nampaknya belajar dari Malaysia, kata Nor Mohamed yang dilantik ke jawatan sekarang pada 2004.

— Bernama